

**Terma dan Syarat  
Kempen AmJutaBiz  
Tempoh Kempen: 1 January 2024 - 30 September 2024**

**PERINGATAN: Pelanggan yang layak menyertai Kempen ini diingatkan untuk membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat di bawah yang boleh didapati melalui <https://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions>. Jika Pelanggan yang Layak tidak memahami apa-apa terma dan syarat dan terma dan syarat yang dikemaskini (jika ada), Pelanggan yang Layak dinasihati untuk berbincang dengan mana-mana kakitangan, wakil atau ejen Bank.**

**1. Definisi**

1.1 Untuk tujuan terma dan syarat ini, perkataan dan ungkapan berikut hendaklah mempunyai makna yang ditentukan baginya, melainkan sekiranya konteks memerlukan sebaliknya.

“**Kumpulan AmBank**” merujuk kepada semua Syarikat berkaitan dan Syarikat Bersekutu bagi Bank sama ada ditubuhkan di dalam atau di luar Malaysia, sedia ada sekarang atau pada masa hadapan dan rujukan kepada “Kumpulan AmBank” dalam terma dan syarat ini, hendaklah merangkumi semua atau mana-mana entiti dalam Kumpulan AmBank.

“**AmOnline**” merujuk kepada perkhidmatan perbankan internet yang ditawarkan oleh Kumpulan AmBank kepada pelanggannya untuk melakukan transaksi perbankan melalui Internet selaras dengan terma dan syarat yang ditetapkan di <http://ambank.amonline.com.my>.

“AmAccess Biz” (AAB) dan “AmAccess Corporate” (AAC) bermaksud platform perbankan digital yang ditawarkan oleh AmBank Group untuk pelanggan perniagaan melakukan transaksi perbankan melalui Internet mengikut terma dan syarat yang ditetapkan di <https://biz.amaccess.com.my> dan <https://corporate.amaccess.com.my/bib-webapp/app/auth/login> atau aplikasi mudah alih Bank.

“**AmAccess Biz**” bermaksud perkhidmatan Perbankan Internet yang ditawarkan oleh Kumpulan AmBank kepada pelanggannya untuk melakukan transaksi perbankan melalui Internet mengikut terma dan syarat yang ditetapkan di <https://biz.amaccess.com.my/>.

“**AmAccess Corporate**” bermaksud perkhidmatan Perbankan Internet yang ditawarkan oleh Kumpulan AmBank kepada pelanggannya untuk melakukan transaksi perbankan melalui Internet mengikut terma dan syarat yang ditetapkan di <https://corporate.amaccess.com.my/bib-webapp/app/auth/login>.

“**Akaun Semasa-i**” bermaksud Akaun Semasa Islamik yang dibuka dan diselenggara dengan Bank.

“**Syarikat Bersekutu**” hendaklah mempunyai maksud yang sama yang ditetapkan di bawah Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, yang mana berkenaan.

“**Bank**” merujuk kepada AmBank Islamic Berhad (‘AmBank Islamic’) [No. Pendaftaran: 199401009897 (295576-U)], syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 (dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016) dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, No. 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

“**Garis Asas**” merujuk kepada Baki Purata Bulanan bagi bulan sebelum bulan penyertaan.

“**Kempen**” merujuk kepada “**Kempen AmJutaBiz**” yang dianjurkan oleh Bank menurut terma dan syarat yang ditetapkan di sini.

**Terma dan Syarat  
Kempen AmJutaBiz  
Tempoh Kempen: 1 January 2024 - 30 September 2024**

“**Hari**” merujuk kepada Isnin hingga Jumaat dan pada bila-bila pejabat Bank yang berdaftar dibuka, kecuali dinyatakan sebaliknya.

“**Penyertaan**” merujuk penyertaan yang layak diperoleh dengan memenuhi kriteria dalam Klausa 4.2 yang memberikan hak kepada Pelanggan Yang Layak untuk melayakkan diri untuk hadiah Kempen.

“**Dana Baharu**” bermaksud wang atau dana yang:

- (a) Tidak dipindahkan daripada mana-mana akaun deposit Bank/Kumpulan AmBank yang sedia ada;
- (b) Dipindahkan menerusi GIRO Antara Bank (IBG), Pindahan Dana Antara Bank (IBFT), DuitNow atau JomPAY daripada bank/institusi kewangan yang lain ke dalam Akaun Semasa-i i pelanggan.
- (c) Deposit boleh dibuat melalui tunai atau cek ke dalam Akaun Semasa-i pelanggan.

**Nota:** Cek yang dikeluarkan oleh Bank lain adalah tertakluk kepada penjelasan mereka dan hanya akan dianggap sebagai deposit oleh Pelanggan yang Layak setelah cek tersebut dijelaskan dan hanya dianggap jelas jika tidak dipulangkan atau tidak laku.

“**BPB Tambahan**” merujuk kepada BPB untuk bulan tersebut tolak Garis Asas.

“**Baki Purata Bulanan (BPB)**” merujuk kepada jumlah semua baki penutup harian bulan dalam Akaun Semasa-i Pelanggan yang Layak, dibahagikan dengan bilangan hari pada bulan yang sama.

“**Notis Awal**” bermaksud notis oleh Bank berkenaan fakta-fakta tertentu atau berkenaan sesuatu keadaan yang tertentu yang diberi sekurang-kurangnya lima (5) hari kalendar di laman web Bank di [www.ambank.com.my](http://www.ambank.com.my).

“**Cawangan-cawangan Satelit**” merujuk kepada cawangan Kumpulan AmBank yang menyediakan keperluan perbankan asas, iaitu pembukaan akaun, pembaharuan deposit bertempoh, kemasukan dan penebusan, pengiriman wang dan pertanyaan.

Perkataan yang menunjukkan seseorang hendaklah termasuk seseorang yang masih hidup dan, yang mana berkenaan, badan atau seseorang yang ditubuhkan atau tidak ditubuhkan. Perkataan yang membawa maksud tunggal juga hendaklah termasuk jamak dan sebaliknya. Perkataan yang membawa maksud jantina lelaki hendaklah termasuk jantina wanita dan neuter.

## **2. Tempoh Kempen**

Kempen ini akan **bermula pada 01 January 2024 dan bakal berakhir pada 30 September 2024** merangkumi kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”). Pihak Bank mempunyai hak untuk mengubah atau meminda Tempoh Kempen dengan memberi Notis Awal. Kempen akan tertakluk kepada semakan segera sekiranya terdapat perubahan pada Kadar Dasar Semalaman (OPR).

## **3. Kelayakan**

3.1 Semua pelanggan yang merupakan pemegang akaun yang memiliki Akaun Semasa-i yang aktif (di sini disebut sebagai “**Pelanggan yang Layak**”) dengan Bank semasa Tempoh Kempen akan didaftarkan secara automatik untuk menyertai Kempen ini .

- (a) Sdn Bhd yang termasuk dalam definisi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mengikut Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp Malaysia)

**Terma dan Syarat  
Kempen AmJutaBiz**

**Tempoh Kempen: 1 January 2024 - 30 September 2024**

- (b) Perusahaan dan perkongsian yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
  - (c) Pemilik tunggal (individu yang membuka Akaun Semasa-i dengan nombor IC mereka dan memberikan nombor SSM, dan tidak layak untuk membuka SA-i)
  - (d) Pertubuhan, persatuan dan kelab yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS)
  - (e) Badan pengurusan bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan
- 3.2 Kategori individu yang berikut **TIDAK** layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini:
- (a) Pelanggan individu
  - (b) Kerajaan tempatan dan /atau negeri seperti:
    - Perbandaran iaitu Majlis Perbandaran contohnya, Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Majlis Perbandaran Selayang
    - Daerah Biasa iaitu Majlis Daerah contohnya, Majlis Daerah Sabak Bernam, Majlis Daerah Tampin
  - (c) Badan-badan awam/ kerajaan
  - (d) Badan-badan agama
  - (e) Kerajaan tempatan khas atau diubahsuai contohnya Perbadanan Labuan, Perbadanan Putrajaya
  - (f) Anak syarikat AmBank Group Berhad
  - (g) Pelanggan yang akaunnya dengan Bank tidak aktif atau dianggap tidak aktif atau yang telah melanggar mana-mana perjanjian lain dengan Bank;
  - (h) Pelanggan yang akaunnya dianggap tidak memuaskan, tidak sah atau dibatalkan
- 3.3 Kempen ini hanya terpakai untuk produk Akaun Semasa-i (seterusnya dirujuk sebagai “**Akaun Peserta**”), daftar/ lakukan transaksi melalui AmAccess Biz, AmAccess Corporate Payment Module/ Amonline, daftar/ lakukan melalui AmBank@work Payroll Solutions dan daftar/ lakukan transaksi melalui Perniagaan Saudagar Penyelesaian.
- 3.4 Untuk layak dalam Kempen ini, semua akaun mesti sah dan berada dalam keadaan baik yang akan ditentukan oleh Bank mengikut budi bicaranya.
- 3.5 Akaun Pelanggan yang Layak yang digantung, dibatalkan atau dihentikan atas sebarang sebab semasa Tempoh Kempen atau sebelum menerima hadiah wang tunai, tidak akan berhak mendapatkan hadiah ataupun wang tunai dalam Kempen ini.
- 3.6 Deposit yang dibuat di bawah Kempen ini dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

**4. Mekanisme Kempen**

4.1 Kempen ini akan dijalankan mengikut tempoh berikut dan tarikh yang sepadan:

Tempoh Bulan Kempen	Tarikh
1	1 Januari 2024 – 31 Januari 2024
2	1 Februari 2024 – 29 Februari 2024
3	1 Mac 2024 – 31 Mac 2024
4	1 April – 30 April 2024
5	1 Mei – 31 Mei 2024
6	1 Jun 2024 – 30 Jun 2024
7	1 Julai 2024 – 31 Julai 2024
8	1 Ogos 2024 – 31 Ogos 2024
9	1 September 2024 – 30 September 2024

**Terma dan Syarat  
Kempen AmJutaBiz  
Tempoh Kempen: 1 January 2024 - 30 September 2024**

- 4.2 Pelanggan yang layak memenuhi kriteria kelayakan seperti yang dinyatakan di bawah berhak mendapatkan hak penyertaan untuk memenangi hadiah (“Penyertaan”) semasa Tempoh Kempen:

**Jadual 1: Peruntukan Penyertaan**

Kategori	Kriteria	Bilangan Penyertaan
<b>Akaun Semasa</b>	Buka Akaun Semasa-i dan simpan minimum RM5,000.00	30 Penyertaan (satu kali sahaja)
	Setiap Baki Purata Bulanan (BPB) tambahan bersih sebanyak RM10,000  Nota: Dalam erti kata lain, BPB tambahan bersih melebihi RM5 juta tidak akan menerima sebarang penyertaan	10 penyertaan (dihadkan pada 5,000 penyertaan setiap sebulan)
<b>AmAccess Biz Payment Module, AmAccess Corporate &amp; AmOnline</b>	Mendaftar AmAccess Biz (AAB) Payment Module atau AmOnline atau AmAccess Corporate (AAC)*	30 Penyertaan (satu kali sahaja)
	Melakukan lima (5) transaksi pihak ketiga melalui AAB, AAC Payment Module or AmOnline	90 Penyertaan
	Setiap lima (5) bayaran masuk/ deposit ke akaun	90 Penyertaan
<b>AmBank @work Payroll Solutions</b>	Mendaftar AmBank@work Penyelesaian Penggajian ( <i>Payroll Solutions</i> )	30 Penyertaan (satu kali sahaja)
	Melakukan setiap nilai pengkreditan gaji sebanyak RM10,000	90 Penyertaan
<b>Merchant Business Solution</b>	Mendaftar Solusi Perniagaan Pedagang ( <i>Merchant Business Solution</i> )	30 Penyertaan (satu kali sahaja)
	Melakukan setiap transaksi jualan sebanyak RM10,000	90 Penyertaan

*Nota\**: Pelanggan yang Layak yang mendaftar untuk AmAccess Biz (AAB), AmAccess Corporate (AAC) Payment Module atau AmOnline

- 4.3 BPB tambahan adalah merujuk kepada perbezaan BPB semasa Tempoh Kempen berbanding dengan BPB dalam pada Garis Dasar.
- Pelanggan yang Baru dengan Bank: Garis Dasar = “0”
  - Pelanggan yang sedia ada dengan Bank: Garis Dasar = BPB untuk bulan sebelum bulan penyertaan.

**Terma dan Syarat  
Kempen AmJutaBiz  
Tempoh Kempen: 1 January 2024 - 30 September 2024**

**Ilustrasi 1:**

- i. Pelanggan baru kepada Bank yang Layak membuka Akaun Semasa-i dengan deposit RM5,000.00. Semasa Tempoh Kempen Bulan 2, pelanggan yang Layak mendepositkan lagi RM10,000 BPB tambahan ke dalam Akaun Semasa-i.
- ii. Bilangan Penyertaan Diperoleh pada Tempoh Kempen Bulan 2 dikira seperti di bawah:

Kriteria Dipenuhi	Bilangan Penyertaan Diperoleh
Buka Akaun Semasa-i dan kekalkan minimum RM5,000.00	30 penyertaan
Deposit - tambahan bersih (BPB) sebanyak RM10,000	10 penyertaan
<b>Jumlah Penyertaan Diperoleh</b>	<b>40 Penyertaan</b>

- 4.4 Sekiranya Pelanggan yang Layak mempunyai lebih daripada satu (1) Akaun Semasa-i, baki gabungan semua Akaun Semasa-i pemegang akaun utama akan dikira untuk tujuan Kempen ini dan bilangan penyertaan hendaklah dikira dengan sewajarnya.

**Contoh 1:**

Akaun Semasa-i	BPB (RM)
Akaun Semasa Asas-i	500
Akaun Semasa Syarikat-i	1,500
<b>Jumlah</b>	<b>2,000</b>

**5. Hadiah**

- 5.1 Hadiah yang ditawarkan dan jumlah pemenang bagi setiap kategori hadiah adalah seperti berikut:

Kategori	Bilangan Pemenang Setiap Cabutan	Bulan Cabutan	Hadiah untuk setiap Pemenang	Jumlah Pemenang bagi keseluruhan Tempoh Kempen
Hadiah Utama	1	Sep 2024	RM 1,000,000.00 wang tunai	1
Hadiah Kedua	1	Sep 2024	RM100,000 wang tunai	1
Hadiah Ketiga	1	Sep 2024	RM50,000 wang tunai	1
Hadiah Tempoh Pertengahan Kempen	1	May 2024	RM100,000 wang tunai	1
Cabutan Bulanan	4	2024 Jan, Feb, Mac, Apr, Mei, Jun, Julai, Ogos	RM5,000 wang tunai	32

**Terma dan Syarat  
Kempen AmJutaBiz**

**Tempoh Kempen: 1 January 2024 - 30 September 2024**

Saguhati	50	Sep 2024	Mesin Kopi/ Pembersih Udara	50
----------	----	----------	--------------------------------	----

- 5.2 Pemegang Akaun mesti membuka Akaun Semasa-i dan mengekalkan minimum BPB sebanyak RM5,000.00 dalam:  
o bulan terakhir kempen untuk layak mendapat Hadiah Utama, Kedua dan Ketiga; dan  
o bulan Tempoh Pertengahan Kempen
- 5.3 Pemenang peraduan Cabutan Hadiah Bulanan layak untuk hanya memenangi satu (1) hadiah bulanan sepanjang Tempoh Kempen dan tidak layak menjadi pemenang bagi Cabutan Hadiah Bulanan yang seterusnya. Walau bagaimanapun, mereka masih layak untuk menerima Hadiah Utama / Hadiah Kedua / Hadiah Ketiga / Hadiah Tempoh Pertengahan Kempen / Saguhati jika mereka memenuhi kriteria yang dinyatakan di atas.
- 5.4 Hadiah tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan kredit atau apa-apa jenis lain.

**6. Pemilihan Pemenang**

**(A) Hadiah Tempoh Pertengahan Kempen**

- 6.1 Sistem Bank akan menetapkan nombor bersiri unik bagi setiap Penyertaan yang diperolehi oleh semua Pelanggan Yang Layak semasa Tempoh Kempen, yang kemudiannya digunakan untuk menyisih semua Penyertaan dalam turutan menaik. Kemudian, setiap Penyertaan kemudiannya dinomborkan secara berurutan mulai dari satu (1) untuk nombor siri dengan nilai terendah ("**Nombor Berurutan**").
- 6.2 Selepas perolehan Penyertaan, jumlah Penyertaan akan dibahagikan dengan tiga puluh (30) untuk mengembalikan nilai penganda untuk menyenarai pendek tiga puluh (30) Pelanggan Yang Layak untuk Hadiah Tempoh Pertengahan Tahun. ("**Pemenang Berpotensi Hadiah Tempoh Pertengahan Kempen**").

*Contoh:*

*3,000 jumlah Penyertaan dibahagikan dengan 30 untuk mengembalikan nilai penganda sebanyak 100, yang bermaksud Pelanggan Yang Layak ke-100 dan gandaannya, iaitu Penyertaan ke-200, ke-300 hingga ke-3,000 akan disenarai pendek sebagai Pemenang Hadiah Utama Pertengahan Tahun Berpotensi*

- 6.3 Satu (1) Pelanggan Yang Layak hanya boleh disenarai sekali untuk Hadiah Utama Pertengahan Tahun. Sekiranya Pelanggan Yang Layak yang sama disenarai lebih daripada satu kali, penyenaian pendek akan berdasarkan Nombor Berurutan Pelanggan Yang Layak yang terendah. Penyertaan lain Pelanggan Yang Layak akan diabaikan dan Pelanggan Yang Layak seterusnya dengan Nombor Berurutan yang berikutnya akan disenarai pendek, seperti ditunjukkan di bawah:

**Terma dan Syarat  
Kempen AmJutaBiz  
Tempoh Kempen: 1 January 2024 - 30 September 2024**

*Contoh:*

*Sekiranya Penyertaan ke-200 dan ke-300 adalah daripada Pelanggan Yang Layak yang sama, maka penyertaan pendek akan berdasarkan Penyertaan ke-200. Bagi Penyertaan ke-300 Pelanggan Yang Layak yang tidak dipilih, Pemenang Hadiah Utama Pertengahan Tahun Berpotensi yang disenarai pendek berikutnya, iaitu penyertaan ke-400, akan dipilih sebagai gantinya.*

- 6.4 Pemenang Hadiah Tempoh Pertengahan Kempen Berpotensi yang disenarai pendek dengan Nombor Berurutan terendah akan dihubungi untuk sesi Soal dan Jawab melalui panggilan telefon yang direkodkan ("**S&J Telefon**") melalui nombor mudah alih mereka yang diselenggara dalam sistem Bank, antara jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang dari hari Isnin hingga Jumaat (kecuali hari cuti umum), dalam tempoh dua belas (12) minggu dari 31 May 2024, mengikut budi bicara Bank.
- 6.5 Pemenang Hadiah Tempoh Pertengahan Kempen Berpotensi yang disenarai pendek akan dikehendaki menjawab satu (1) soalan dengan betul untuk dipilih sebagai Pemenang Hadiah Tempoh Pertengahan Kempen. Pihak Bank akan membuat tiga (3) percubaan untuk menghubungi Pemenang Hadiah Tempoh Pertengahan Kempen Berpotensi. Sekiranya percubaan hubungan pertama gagal atas sebab-sebab seperti panggilan tidak dijawab, nombor mudah alih tidak berada dalam perkhidmatan, tiada sambungan atau apa-apa sebab sedemikian, maka pihak Bank akan membuat dua (2) lagi percubaan dalam tempoh dua (2) hari bekerja pada masa tersedia yang seterusnya mengikut budi bicara Bank. Sekiranya percubaan terakhir juga gagal, maka Pemenang Hadiah Tempoh Pertengahan Kempen Berpotensi yang disenarai pendek akan disingkirkan daripada memenangi Hadiah tersebut. Pemenang Hadiah Tempoh Pertengahan Kempen Berpotensi yang berikutnya dengan Nombor Berurutan terendah daripada senarai Pemenang Hadiah Tempoh Pertengahan Kempen Berpotensi akan dihubungi kemudiannya untuk peluang memenangi Hadiah Tempoh Pertengahan Kempen.
- 6.6 Sekiranya Pemenang Hadiah Tempoh Pertengahan Kempen Berpotensi yang disenarai pendek tersebut gagal menjawab S&J Telefon dengan betul, maka Pemenang Hadiah Tempoh Pertengahan Kempen yang disenarai pendek itu akan hilang kelayakan daripada menang dan Pemenang Hadiah Tempoh Pertengahan Kempen Berpotensi yang berikutnya akan dihubungi untuk peluang memenangi Hadiah Tempoh Pertengahan Kempen.
- 6.7 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa panggilan telefon yang dibuat kepada Pemenang Hadiah Tempoh Pertengahan Kempen Berpotensi yang disenarai pendek yang tidak lengkap, terputus, tidak dijawab, atau tidak terdapatnya Pemenang Hadiah Tempoh Pertengahan Kempen Berpotensi tersebut pada tarikh dan masa yang ditetapkan dan/atau disebabkan oleh apa-apa sebab lain sedemikian.
- (B) Hadiah Utama**
- 6.8 Selepas perolehan Penyertaan, jumlah Penyertaan akan dibahagikan dengan tiga puluh (30) untuk mengembalikan nilai penganda untuk menyenarai pendek tiga puluh (30) Pelanggan Yang Layak untuk Hadiah Utama. ("**Pemenang Hadiah Utama Berpotensi**").

**Terma dan Syarat  
Kempen AmJutaBiz  
Tempoh Kempen: 1 January 2024 - 30 September 2024**

*Contoh:*

*3,000 jumlah Penyertaan dibahagikan dengan 30 untuk mengembalikan nilai pengganda sebanyak 100, yang bermaksud Pelanggan Yang Layak ke-100 dan gandaannya, iaitu Penyertaan ke-200, ke-300 hingga ke-3,000 akan disenarai pendek sebagai Pemenang Hadiah Utama Berpotensi.*

- 6.9 Satu (1) orang Pelanggan Yang Layak hanya boleh disenarai pendek sekali untuk Hadiah Utama. Sekiranya Pelanggan Yang Layak yang sama disenarai pendek lebih daripada satu kali, penyenaian pendek akan berdasarkan Nombor Berurutan Pelanggan Yang Layak yang terendah. Penyertaan lain Pelanggan Yang Layak akan diabaikan dan Pelanggan Yang Layak seterusnya dengan Nombor Berurutan yang berikutnya akan disenarai pendek, seperti ditunjukkan di bawah:

*Contoh:*

*Sekiranya Penyertaan ke-200 dan ke-300 adalah daripada Pelanggan Yang Layak yang sama, maka penyenaian pendek akan berdasarkan Penyertaan ke-200. Bagi Penyertaan ke-300 Pelanggan Yang Layak yang tidak dipilih, Pemenang Hadiah Utama Berpotensi yang disenarai pendek berikutnya, iaitu penyertaan ke-400, akan dipilih sebagai gantinya.*

- 6.10 Pemenang Hadiah Utama Berpotensi yang disenarai pendek dengan Nombor Berurutan terendah akan dihubungi untuk sesi Soal dan Jawab melalui panggilan telefon yang direkodkan melalui nombor mudah alih mereka yang diselenggara dalam sistem Bank, antara jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang dari hari Isnin hingga Jumaat (kecuali hari cuti umum), dalam tempoh dua belas (12) minggu dari akhir Tempoh Kempen, mengikut budi bicara Bank.
- 6.11 Pemenang Hadiah Utama Berpotensi yang disenarai pendek akan dikehendaki menjawab satu (1) soalan dengan betul untuk dipilih sebagai Pemenang Hadiah Utama. Pihak Bank akan membuat tiga (3) percubaan untuk menghubungi Pemenang Hadiah Utama Berpotensi. Sekiranya percubaan hubungan pertama gagal atas sebab-sebab seperti panggilan tidak dijawab, nombor mudah alih tidak berada dalam perkhidmatan, tiada sambungan atau apa-apa sebab sedemikian, maka pihak Bank akan membuat dua (2) lagi percubaan dalam tempoh dua (2) hari bekerja pada masa tersedia yang seterusnya mengikut budi bicara Bank. Sekiranya percubaan terakhir juga gagal, maka Pemenang Hadiah Utama Berpotensi yang disenarai pendek akan disingkirkan daripada memenangi Hadiah tersebut. Pemenang Hadiah Utama Berpotensi yang berikutnya dengan Nombor Berurutan terendah daripada senarai Pemenang Hadiah Utama Berpotensi akan dihubungi kemudiannya untuk peluang memenangi Hadiah Utama.
- 6.12 Sekiranya Pemenang Hadiah Utama Berpotensi yang disenarai pendek tersebut gagal menjawab S&J Telefon dengan betul, maka Pemenang Hadiah Utama Berpotensi yang disenarai pendek itu akan hilang kelayakan daripada menang dan Pemenang Hadiah Utama Berpotensi yang berikutnya akan dihubungi untuk peluang memenangi Hadiah Utama.
- 6.13 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa panggilan telefon yang dibuat kepada Pemenang Hadiah Utama Berpotensi yang disenarai pendek yang tidak lengkap, terputus, tidak dijawab, atau tidak terdapatnya Pemenang Hadiah Utama Berpotensi tersebut pada tarikh dan masa yang ditetapkan dan/atau disebabkan oleh apa-apa sebab lain sedemikian.



**Terma dan Syarat  
Kempen AmJutaBiz**

**Tempoh Kempen: 1 January 2024 - 30 September 2024**

**(C) Hadiah Kedua**

6.14 Berikutan Klausula 6.1, jumlah Penyertaan akan dibahagikan dengan empat puluh (40) untuk mengembalikan nilai penganda untuk penyenaian pendek empat puluh (40) Pelanggan yang Layak bagi Hadiah Kedua ("**Pemenang Hadiah Kedua Berpotensi**")

6.15 Dua (2) orang Pelanggan Yang Layak hanya boleh disenarai pendek sekali untuk Hadiah Kedua. Sekiranya Pelanggan Yang Layak yang sama disenarai pendek lebih daripada satu kali, penyenaian pendek akan berdasarkan Nombor Berurutan Pelanggan Yang Layak yang terendah. Penyertaan lain Pelanggan Yang Layak akan diabaikan dan Pelanggan Yang Layak seterusnya dengan Nombor Berurutan yang berikutnya akan disenarai pendek, seperti ditunjukkan di bawah:

*Contoh:*

*4,000 jumlah Penyertaan dibahagikan dengan 40 untuk mengembalikan nilai penganda sebanyak 100, yang bermaksud Pelanggan Yang Layak ke-100 dan gandaannya, iaitu Penyertaan ke-100, ke-200 hingga ke-4,000 akan disenarai pendek sebagai Pemenang Hadiah Kedua Berpotensi.*

6.16 Seorang Pelanggan yang Layak hanya boleh disenarai pendek sekali untuk Hadiah Utama atau Hadiah Kedua. Sekiranya Pelanggan yang Layak yang sama disenarai pendek lebih daripada satu kali untuk Hadiah Utama atau Hadiah Kedua, Pelanggan yang Layak tersebut hanya akan disenarai pendek berdasarkan Nombor Berurutan Pelanggan yang Layak yang terendah. Penyertaan disenarai pendek lain Pelanggan yang Layak akan diabaikan dan Pelanggan yang Layak seterusnya dengan Nombor Berurutan yang berikutnya akan disenarai pendek, seperti yang tertera di bawah:

*Contoh:*

*Sekiranya Penyertaan ke-200 dan ke-300 bagi Pemenang Hadiah Kedua Berpotensi adalah daripada Pelanggan Yang Layak yang sama, maka Pelanggan yang Layak hanya akan disenarai pendek sebagai Pemenang Hadiah Kedua Berpotensi berdasarkan Penyertaan Ke-200 Pelanggan yang Layak. Bagi Penyertaan ke-300 Pelanggan yang Layak yang tidak dipilih, Pemenang Hadiah Kedua Berpotensi yang disenarai pendek berikutnya akan dipilih sebagai gantinya.*

6.17 Pemenang Hadiah Kedua Berpotensi yang disenarai pendek dengan Nombor Berurutan terendah akan dihubungi untuk sesi Soal dan Jawab melalui panggilan telefon yang direkodkan melalui nombor mudah alih mereka yang diselenggara dalam sistem Bank, antara jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang dari hari Isnin hingga Jumaat (kecuali hari cuti umum), dalam tempoh dua belas (12) minggu dari akhir Tempoh Kempen, mengikut budi bicara Bank.

6.18 Pemenang Hadiah Kedua Berpotensi yang disenarai pendek akan dikehendaki menjawab satu (1) soalan dengan betul untuk dipilih sebagai Pemenang Hadiah Kedua. Pihak Bank akan membuat tiga (3) percubaan untuk menghubungi Pemenang Hadiah Kedua Berpotensi. Sekiranya percubaan hubungan pertama gagal atas sebab-sebab seperti panggilan tidak dijawab, nombor mudah alih tidak berada dalam perkhidmatan, tiada sambungan atau apa-apa sebab sedemikian, maka pihak Bank akan membuat dua (2) lagi percubaan dalam tempoh dua (2) hari bekerja pada masa tersedia yang seterusnya mengikut budi bicara Bank. Sekiranya percubaan terakhir juga gagal, maka Pemenang Hadiah Kedua Berpotensi yang disenarai pendek akan disingkirkan daripada memenangi Hadiah tersebut. Pemenang Hadiah Kedua Berpotensi yang berikutnya dengan Nombor Berurutan terendah daripada senarai

**Terma dan Syarat  
Kempen AmJutaBiz**

**Tempoh Kempen: 1 January 2024 - 30 September 2024**

Pemenang Hadiah Kedua Berpotensi akan dihubungi kemudiannya untuk peluang memenangi Hadiah Kedua.

- 6.19 Sekiranya Pemenang Hadiah Kedua Berpotensi yang disenarai pendek tersebut gagal menjawab S&J melalui Telefon dengan betul, maka Pemenang Hadiah Kedua Berpotensi yang disenarai pendek itu akan hilang kelayakan daripada menang dan Pemenang Hadiah Kedua Berpotensi yang berikutnya akan dihubungi untuk peluang memenangi Hadiah Kedua.
- 6.20 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa panggilan telefon yang dibuat kepada Pemenang Hadiah Kedua Berpotensi yang disenarai pendek yang tidak lengkap, terputus, tidak dijawab, atau tidak terdapatnya Pemenang Hadiah Kedua Berpotensi tersebut pada tarikh dan masa yang ditetapkan dan/atau disebabkan oleh apa-apa sebab lain sedemikian.

**(D) Hadiah Ketiga**

- 6.21 Berikutan Klausa 6.1, jumlah Penyertaan akan dibahagikan dengan lima puluh (50) untuk mengembalikan nilai pengganda untuk penyenaian pendek lima puluh (50) Pelanggan yang Layak bagi Hadiah Ketiga ("**Pemenang Hadiah Ketiga Berpotensi**")
- 6.22 Lima (5) orang Pelanggan Yang Layak hanya boleh disenarai pendek sekali untuk Hadiah Ketiga. Sekiranya Pelanggan Yang Layak yang sama disenarai pendekkan lebih daripada satu kali, penyenaian pendek akan berdasarkan Nombor Berurutan Pelanggan Yang Layak yang terendah. Penyertaan lain Pelanggan Yang Layak akan diabaikan dan Pelanggan Yang Layak seterusnya dengan Nombor Berurutan yang berikutnya akan disenarai pendek, seperti ditunjukkan di bawah:

*Contoh:*

*5,000 jumlah Penyertaan dibahagikan dengan 50 untuk mengembalikan nilai pengganda sebanyak 100, yang bermaksud Pelanggan Yang Layak ke-100 dan gandaannya, iaitu Penyertaan ke-200, ke-300 hingga ke-5,000 akan disenarai pendek sebagai Pemenang Hadiah Ketiga Berpotensi.*

- 6.23 Seorang Pelanggan yang Layak hanya boleh disenarai pendek sekali untuk Hadiah Utama / Hadiah Kedua / Hadiah Ketiga. Sekiranya Pelanggan yang Layak yang sama disenarai pendek lebih daripada satu kali untuk Hadiah Utama / Hadiah Kedua / Hadiah Ketiga, Pelanggan yang Layak tersebut hanya akan disenarai pendek berdasarkan Nombor Berurutan Pelanggan yang Layak yang terendah. Penyertaan disenarai pendek lain Pelanggan yang Layak akan diabaikan dan Pelanggan yang Layak seterusnya dengan Nombor Berurutan yang berikutnya akan disenarai pendek, seperti yang tertera di bawah:

*Contoh:*

*Sekiranya Penyertaan ke-100 dan ke-500 bagi Pemenang Hadiah Ketiga Berpotensi adalah daripada Pelanggan Yang Layak yang sama, maka Pelanggan yang Layak hanya akan disenarai pendek sebagai Pemenang Hadiah Ketiga Berpotensi berdasarkan Penyertaan Ke-100 Pelanggan yang Layak. Bagi Penyertaan ke-500 Pelanggan yang Layak yang tidak dipilih, Pemenang Hadiah Ketiga Berpotensi yang disenarai pendek berikutnya akan dipilih sebagai gantinya.*

- 6.24 Pemenang Hadiah Ketiga Berpotensi yang disenarai pendek dengan Nombor Berurutan terendah akan dihubungi untuk sesi Soal dan Jawab melalui panggilan telefon yang direkodkan melalui nombor mudah alih mereka yang diselenggara dalam sistem Bank, antara

**Terma dan Syarat  
Kempen AmJutaBiz**

**Tempoh Kempen: 1 January 2024 - 30 September 2024**

jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang dari hari Isnin hingga Jumaat (kecuali hari cuti umum), dalam tempoh dua belas (12) minggu dari akhir Tempoh Kempen, mengikut budi bicara Bank.

- 6.25 Pemenang Hadiah Ketiga Berpotensi yang disenarai pendek akan dikehendaki menjawab satu (1) soalan dengan betul untuk dipilih sebagai Pemenang Hadiah Ketiga. Pihak Bank akan membuat tiga (3) percubaan untuk menghubungi Pemenang Hadiah Ketiga Berpotensi. Sekiranya percubaan hubungan pertama gagal atas sebab-sebab seperti panggilan tidak dijawab, nombor mudah alih tidak berada dalam perkhidmatan, tiada sambungan atau apa-apa sebab sedemikian, maka pihak Bank akan membuat dua (2) lagi percubaan dalam tempoh dua (2) hari bekerja pada masa tersedia yang seterusnya mengikut budi bicara Bank. Sekiranya percubaan terakhir juga gagal, maka Pemenang Hadiah Ketiga Berpotensi yang disenarai pendek akan disingkirkan daripada memenangi Hadiah tersebut. Pemenang Hadiah Ketiga Berpotensi yang berikutnya dengan Nombor Berurutan terendah daripada senarai Pemenang Hadiah Ketiga Berpotensi akan dihubungi kemudiannya untuk peluang memenangi Hadiah Ketiga.
- 6.26 Sekiranya Pemenang Hadiah Ketiga Berpotensi yang disenarai pendek tersebut gagal menjawab S&J Telefon dengan betul, maka Pemenang Hadiah Ketiga Berpotensi yang disenarai pendek itu akan hilang kelayakan daripada menang dan Pemenang Hadiah Ketiga Berpotensi yang berikutnya akan dihubungi untuk peluang memenangi Hadiah Ketiga.
- 6.27 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa panggilan telefon yang dibuat kepada Pemenang Hadiah Ketiga Berpotensi yang disenarai pendek yang tidak lengkap, terputus, tidak dijawab, atau tidak terdapatnya Pemenang Hadiah Ketiga Berpotensi tersebut pada tarikh dan masa yang ditetapkan dan/atau disebabkan oleh apa-apa sebab lain sedemikian.

**(E) Cabutan Bulanan/ Saguhati**

- 6.28 Pemenang akan dipilih melalui cabutan rawak daripada kumpulan jumlah Penyertaan yang oleh Bank. Pihak Bank akan memaklumkan pemenang hadiah untuk Cabutan melalui SMS / surat elektronik dan lain-lain berdasarkan butir-butir hubungan mereka yang dikekalkan dalam sistem Bank. Walau apa pun yang disebut di atas, Bank berhak untuk menggunakan mana-mana medium atau kaedah lain, termasuk laman web Bank di [www.ambank.com.my](http://www.ambank.com.my) sebagaimana yang difikirkan sesuai untuk tujuan mengumumkan pemenang.
- 6.29 Hadiah akan diedarkan secara berperingkat semasa Tempoh Kempen. Hadiah akan diedarkan dalam tempoh dua belas (12) hingga (20) minggu selepas Kempen berakhir.

**7. Pemenang Hadiah**

- 7.1 Keputusan semua pemenang akan diumumkan dalam tempoh dua belas (12) minggu dari tarikh penutupan Penyertaan Hadiah yang berkaitan untuk pengiraan pemenang.
- 7.2 Semua pemenang mungkin dikehendaki untuk menghadiri majlis penyampaian hadiah dan/atau program publisiti lain dengan kos dan perbelanjaan mereka sendiri dan apabila diperlukan seperti yang diberitahu oleh Bank melalui panggilan telefon dan/atau surat elektronik berhubung dengan tarikh, masa dan tempat majlis penyampaian hadiah dan/atau program publisiti yang lain. Bank akan membuat tiga (3) percubaan untuk menghubungi Pemenang.
- 7.3 Jika pemenang gagal dihubungi selepas percubaan ini, Bank tidak akan membuat percubaan lagi untuk menghubungi pemenang atau jika pemenang berjaya dihubungi tetapi gagal menghadiri majlis dan/atau program sedemikian tanpa sebab yang sah, Bank berhak untuk membatalkan Hadiah Pemenang.

**Terma dan Syarat  
Kempen AmJutaBiz**

**Tempoh Kempen: 1 January 2024 - 30 September 2024**

- 7.4 Semua hadiah wang tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun Semasa-i pemenang masing-masing.
- 7.5 Pemenang hendaklah bertanggungjawab ke atas sebarang kos tambahan, duti, cukai dan/atau perbelanjaan sampingan lain, yang mungkin ditanggung akibat dan/atau berkaitan dengan penerimaan Hadiah Utama / Hadiah Kedua / Hadiah Ketiga/ Hadiah Tempoh Pertengahan Kempen/ Cabutan Bulanan.
- 7.6 Bank berhak untuk mengubah atau menukar ke sebarang bentuk ganjaran yang sama amaun dan Pelanggan Yang Layak akan diberitahu dengan Notis Terdahulu melalui cara komunikasi yang ditetapkan di dalam Kempen ini.
- 7.7 Hadiah tidak boleh ditukar atau dipindahmilik dengan wang tunai, kredit atau sejenisnya. Hadiah yang dipaparkan di laman web promosi adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan reka bentuk asal mungkin berbeza.
- 7.8 Pelanggan Yang Layak bertanggungjawab untuk membayar sebarang kos penghantaran, caj perkhidmatan dan/atau caj lain yang berkaitan dengan hadiah untuk penghantaran kali kedua. Bank hanya bertanggungjawab untuk kos penghantaran, caj perkhidmatan, kos sampingan dan/atau caj lain yang berkaitan dengan hadiah untuk perhantaran kali pertama sahaja.
- 7.9 Bank menolak apa-apa liabiliti, tanggungjawab atau kewajipan berkaitan dengan hadiah dan tidak membuat representasi atau jaminan terhadap kualiti hadiah tersebut dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan hadiah yang hilang, dicuri atau rosak disebabkan oleh kecacatan bahannya atau pembuatannya oleh pengilang sama ada di bawah jaminan atau tidak. Pelanggan Yang Layak hendaklah berurusan terus dengan pengeluar dan/atau wakil jualannya yang sah untuk maklumat jaminan, tuntutan dan/atau terma dan syarat yang berkaitan khusus dengan hadiah.

**8. Hilang Kelayakan**

Bank berhak membatalkan penyertaan dan/atau transaksi mana-mana Pelanggan Yang Layak untuk tujuan Kempen ini tanpa perlu memberitahu Pelanggan Yang Layak sekiranya:

- a) Transaksi perbankan yang dipilih diterima sebelum dan/atau selepas Tempoh Kempen yang ditetapkan; atau
- b) Akaun Semasa-i Pelanggan Yang Layak memungkirkan pinjaman yang diberikan pada bila-bila masa semasa Tempoh Kempen; atau
- c) Akaun Semasa-i Pelanggan Yang Layak ditutup sebelum pemberitahuan pemenang oleh Bank; atau
- d) Pelanggan Yang Layak telah memberikan maklumat yang tidak benar, menipu atau tidak bertindak dengan niat baik dalam apa-apa cara semasa Tempoh Kempen; atau
- e) Pelanggan Yang Layak telah melanggar mana-mana terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di sini.

**9. Umum**

9.1 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak dinasihati untuk membaca dan memahami terma dan syarat di sini, untuk membaca bersama dengan:

- a) Terma dan Syarat Umum untuk Akaun dan Perkhidmatan
- b) Terma dan Syarat Khusus Bagi Akaun Semasa-i/Akaun Simpanan-i berasaskan Komoditi Murabahah (hanya untuk Akaun Semasa dan Simpanan AmBank Islamic sahaja)
- c) Declaration and Term and Conditions for Savings Account/Savings Account-i and/or Current Account/Current Account-i via Electronic (AmOnline / AAB/ AAC)

**Terma dan Syarat  
Kempen AmJutaBiz**

**Tempoh Kempen: 1 January 2024 - 30 September 2024**

- 9.2 Tawaran Kempen adalah tidak sah dengan mana-mana promosi atau kempen lain yang ditawarkan oleh Bank dan tiada kadar istimewa, tambahan atau keutamaan lain akan diberikan di bawah Kempen ini.
- 9.3 Bank mempunyai hak untuk mengubah, meminda, memadam atau menambah ke atas mana-mana terma dan syarat yang dinyatakan di dalam ini, secara keseluruhan atau mana-mana bahagian dari semasa ke semasa termasuk mengubah Tempoh Kempen, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberikan Notis Terdahulu dengan memberikan Notis Terdahulu.
- 9.4 Melainkan dinyatakan sebaliknya, terma dan syarat yang terkandung di dalam ini, termasuk apa-apa pindaan ke atasnya, akan mengatasi mana-mana peruntukan dan/atau perwakilan lain yang terkandung dalam mana-mana notis/promosi/bahan pengiklanan lain untuk Kempen ini.
- 9.5 Keputusan Bank dalam semua perkara berkaitan dengan kelayakan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat semua Pelanggan yang Layak yang mengambil bahagian.
- 9.6 Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami seperti kehilangan pendapatan atau keuntungan, atau kerugian/kerosakan secara tidak langsung, ganti rugi kecil, kerosakan berbangkit, ganti rugi teladan, ganti rugi punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga, yang timbul daripada atau berkaitan dengan Kempen, kecuali jika kehilangan atau kerosakan sedemikian disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau, keingkaran sengaja, atau fraud oleh Bank.
- 9.7 Sejauh yang diizinkan oleh undang-undang, Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan yang Layak apabila berlaku peristiwa Force Majeure. "Force Majeure" merujuk kepada kejadian dan/atau keadaan yang tidak berada dalam kendali Bank yang wajar, yang tidak dapat dicegah, dihindari atau dihapuskan oleh Bank yang merangkumi tetapi tidak terhad kepada bencana alam seperti banjir, taufan, ribut, badai, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, penenggelaman atau tanah atau bumi atau tindakan pergolakan awam seperti mogok, penguncian, gangguan industri, rusuhan, peperangan yang masing-masing berada di luar kawalan mana-mana pihak atau kejadian, keadaan, atau keadaan yang serupa dengan yang mungkin diklasifikasikan sebagai Force Majeure oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 9.8 Semua pertikaian berkenaan pentafsiran, keesahan, penguatkuasaan dan intepretasi terma dan syarat yang dinyatakan di dalam ini akan ditadbir, ditafsirkan dan dikuatkuasa menurut undang-undang Malaysia. Pelanggan yang Layak dengan ini bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia berhubung apa-apa guaman, tindakan atau prosiding lain yang timbul daripada atau berdasarkan terma dan syarat di dalam ini.
- 9.9 Pelanggan yang Layak dikehendaki untuk log masuk ke laman web korporat Bank untuk maklumat terkini Kempen dan rujuk <https://www.ambank.com.my/AmJutaBiz> untuk terma dan syarat yang terkini, jika ada.
- 9.10 Terma dan syarat ini boleh didapati dalam versi Bahasa Inggeris.
- 9.11 Untuk sebarang bantuan dan/atau maklum balas yang berkaitan dengan Kempen ini, Pelanggan yang Layak boleh menghubungi Pusat Panggilan Bank melalui 03-2178 8888 atau emel kepada [customercare@ambankgroup.com](mailto:customercare@ambankgroup.com).